



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA,
NOVEMBER 2025**

**Pengeluaran getah asli Malaysia
menurun 29.6 peratus pada November 2025**

PUTRAJAYA, 13 JANUARI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, November 2025**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 29.6 peratus pada November 2025 (20,891 tan metrik) berbanding pada Oktober 2025 (29,673 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 48.2 peratus (November 2024: 40,341 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada November 2025 disumbangkan terutamanya oleh pekebun kecil (83.3%) berbanding estet (16.7%).

Jumlah stok getah asli pada November 2025 menurun 17.3 peratus kepada 120,208 tan metrik berbanding 145,422 tan metrik pada Oktober 2025. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 76.7 peratus diikuti kilang pengguna getah (23.1%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 37,150 tan metrik pada November 2025, menurun 29.8 peratus berbanding Oktober 2025 (52,932 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu menyumbang 50.8 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada November 2025 diikuti Jerman (15.1%), Emiriah Arab Bersatu (12.5%), Amerika Syarikat (5.7%) dan Turkiye (2.2%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM0.9 billion pada November 2025, menurun 25.8 peratus berbanding Oktober 2025 (RM1.2 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 0.4 peratus (November 2025: 571.93 sen sekilogram; Oktober 2025: 569.84 sen sekilogram) manakala Sekerap menurun 1.8 peratus (November 2025: 589.83 sen sekilogram; Oktober 2025: 600.44 sen sekilogram). Trend harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) menurun 1.7 peratus dan meningkat 0.2 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga November bagi getah jenis TSR 20 (Technically Specified Rubber) menurun 0.2 peratus daripada USD1.712/kg kepada USD1.708/kg dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 1.4 peratus daripada USD2.00/kg kepada USD2.03/kg.


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran November 2025, pasaran getah Kuala Lumpur dibuka bercampur-campur pada November, dibebani oleh harga minyak yang lebih rendah, ringgit yang lebih kukuh berbanding dolar A.S. dan kebimbangan terhadap data ekonomi yang lebih lemah daripada A.S. dan China. Walau bagaimanapun, kerugian selanjutnya dihadkan oleh kebimbangan mengenai gangguan bekalan yang disebabkan oleh hujan lebat di negara pengeluar utama, jangkaan lebih kukuh terhadap pengurangan kadar A.S., hubungan perdagangan A.S.-China yang bertambah baik, perkembangan positif dalam sektor semikonduktor, jangkaan rangsangan tambahan daripada Beijing, jualan EV global yang kukuh, dan kelewatan satu tahun dalam pelaksanaan EUDR.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan Banci Ekonomi 2026 (BE2026), bertemakan “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari 5 Januari hingga 31 Oktober 2026. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.


Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli November 2024, Oktober - November 2025 ('000 tan metrik)



Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli November 2024, Oktober - November 2025 ('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 JANUARI 2026



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA, NOVEMBER 2025

Malaysia natural rubber production decreased by 29.6 per cent in November 2025

PUTRAJAYA, JANUARY 13th, 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, November 2025**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 29.6 per cent in November 2025 (20,891 tonnes) as compared to October 2025 (29,673 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 48.2 per cent (November 2024: 40,341 tonnes). Production of NR in November 2025 for Malaysia was mainly contributed by smallholders (83.3%) as compared to estates (16.7%).

Total stocks of NR in November 2025 decreased by 17.3 per cent to 120,208 tonnes as compared to 145,422 tonnes in October 2025. Rubber processors factory contributed 76.7 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (23.1%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 37,150 tonnes in November 2025, decreased 29.8 per cent as against October 2025 (52,932 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 50.8 per cent of total exports in November 2025 followed by Germany (15.1%), the United Arab Emirates (12.5%), the United States of America (5.7%) and Turkiye (2.2%). The exports performance was contributed by NR-based product such as rubber gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM0.9 billion in November 2025, a decrease of 25.8 per cent as compared to October 2025 (RM1.2 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 0.4 per cent (November 2025: 571.93 sen per kg; October 2025: 569.84 sen per kg) while Scrap decreased by 1.8 per cent (November 2025: 589.83 sen per kg; October 2025: 600.44 sen per kg). Trend of prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) was decreased 1.7 per cent and increased 0.2 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices November for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has decreased 0.2 per cent (from USD1.712/kg to USD1.708/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 1.4 per cent (from USD2.00/kg to USD2.03/kg).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in November 2025, The Kuala Lumpur rubber market opened mixed in November, weighed down by lower oil prices, a stronger ringgit against the U.S. dollar, and concerns over weaker economic data from both the U.S. and China. However, further losses were limited by worries over supply disruptions caused by heavy rains in major producing countries, firmer expectations of a U.S. rate cut, improved U.S.–China trade relations, positive developments in the semiconductor sector, anticipated additional stimulus from Beijing, robust global EV sales, and the one-year delay of the EUDR.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census 2026 (BE2026), themed “Data Nadi Ekonomi Rakyat”. The sixth Economic Census, running from 5th January to 31st October 2026. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation’s economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

Malaysia has, for the first time, successfully secured the top position globally in the biennial Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 report released by Open Data Watch (ODW), surpassing 197 other countries. This achievement marks a significant leap from its 67th position in the ODIN 2022/23 assessment.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber November 2024, October - November 2025 ('000 tonnes)





Chart 2: Imports and exports of natural rubber November 2024, October - November 2025 ('000 tonnes)



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 JANUARY 2026**